

MAHATHIR - MUFLIS

ALOR SETAR, 9 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMINDA AKTA PILIHANRAYA SEMATA-MATA UNTUK MEMANJANGKAN TEMPOH BANTAHAN TERHADAP SESEORANG CALON YANG DIKATAKAN MUFLIS PADA HARI PENAMAAN CALON, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, TEMPOH SATU SETENGAH JAM YANG DIPERUNTUKKAN SEKARANG ADALAH MEMADAI BAGI MANA-MANA PIHAK UNTUK MEMBUAT BANTAHAN.

BAGAIMANAPUN, MANA-MANA PIHAK YANG KURANG BERPUAS HATI TERHADAP TARAF MUFLIS SESEORANG WAKIL RAKYAT BOLEH MENCABAR PERKARA ITU DI MAHKAMAH, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DI KEPALA BATAS, DI SINI HARI INI.

+KALAU KITA BAGI MASAPUN, MANA DIA KATA CUKUP. KALAU DALAM MASA SATU SETENGAH JAM TAK BOLEH BAGI BUKTI, SUSAPLAH,+ KATANYA MERUJUK KEPADA BANTAHAN PAS TERHADAP CALON BARISAN NASIONAL (BN), SENATOR SHUAIB LAZIM, YANG DITUDUH MUFLIS OLEH PARTI ITU PADA HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN PANTAI MERDEKA PADA 12 MAC LEPAS.

PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA KECIL ITU MENOLAK BANTAHAN TERSEBUT KERANA PAS GAGAL MENGEMUKAKAN BUKTI. -- LAGI
1934MST 09 04 90

D982

R B657 BAH
MAHATHIR - MUFLIS 2 ALOR SETAR

PARTI ITU JUGA GAGAL MENDAPATKAN PERINTAH PERMOHONAN DARIPADA MAHKAMAH TINGGI ALOR SETAR UNTUK MENGHALANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA DARIPADA MENERUSKAN PILIHAN RAYA KECIL ITU SETELAH MAHKAMAH MEMUTUSKAN BAHAWA IA GAGAL UNTUK MENGEMUKAKAN BUKTI-BUKTI SEMASA DALAM TEMPOH BANTAHAN.

SENATOR SHUAIB MEMENANGI PILIHAN RAYA KECIL 24 MAC ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KALAU BAGI SATU SETENGAH JAM, DUA JAM, TIGA JAM...ADA JUGA MAKLUMAT (YANG MENGATAKAN) IANYA TAK CUKUP. DI SINI BUKANNYA TIME FACTOR (YANG PERLU DIPERTIKAIKAN). SEKIAN LAMA (UNDANG-UNDANG ITU) DIPAKAI, TAK ADA MASALAH PUN. KENAPA SEKARANG ADA MASALAH?+

MENURUTNYA, DALAM KES SENATOR SHUAIB LAZIM, PIHAK YANG MEMBUAT BANTAHAN TIDAK DAPAT MENGEMUKAKAN BUKTI-BUKTI BAHAWA CALON ITU MUFLIS.

+MASALAH SENATOR SHUAIB IALAH KERANA PIHAK YANG MENERIMA BAYARAN HUTANG ITU LAMBAT MENARIK BALIK NOTIS MUFLIS DI MAHKAMAH. BELIAU TIDAK MUFLIS KERANA BELIAU TELAH MEMBAYAR HUTANG-HUTANGNYA,+ TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI
2014MST 09 04 90

D984

R B658 BAH
MAHATHIR - MUFLIS 3 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, PULANG KE KAWASAN PARLIMENNYA DI KUBANG PASU UNTUK MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID KAMPUNG TANJUNG PAUH, JITRA, MALAM INI.

SEMENTARA ITU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MENYAMPAIKAN BUNGKUSAN HADIAH DAN WANG TUNAI SUMBANGAN BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) KEPADA RAKYAT YANG KURANG BERNASIB BAIK DI LIMA DAERAH DI NEGERI INI.

ISTERI MENTERI BESAR KEDAH, DATIN SERI HAJAH AZIZAH ABDUL HAMID TELAH MENERIMA SUMBANGAN ITU BAGI PIHAK PENDUDUK KAWASAN JITRA. MAJLIS BERLANGSUNG DI KEDIAMAN PERDANA MENTERI DI TITI GAJAH, DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI JUGA SEMPAT MELAWAT DAN MEMBELI JUADAH BERBUKA PUASA DI PEKAN RABU. -- BERNAMA